

26 JUL 1999

LID-MozambiqueI

MOZAMBIQUE MAHU BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN MALAYSIA

Oleh: Hammad Wariman

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Mozambique berminat belajar daripada Malaysia mengenai cara-cara untuk mencapai pemulihan ekonomi yang agak cepat, kata Presidennya Joaquim Alberto Chisanno.

Beliau berkata Mozambique juga mahu meningkatkan hubungan perdagangan dua hala dengan Malaysia.

Chisanno berkata Mozambique, sebagai sebuah negara membangun yang membuka ruang kepada kuasa persaingan asing, perlu belajar bagaimana Malaysia boleh keluar daripada krisis ekonomi serantau.

"Ada pengajaran yang boleh dipelajari di sini dan Malaysia mempunyai banyak pengalaman tentang bagaimana untuk menangani kemerosotan ekonomi dengan caranya sendiri di sebalik tekanan dari kuasa luar," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu acara sampingan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di sini hari ini.

Mengenai kesan globalisasi yang tidak terkawal, Chisanno berkata: "secara umumnya negara-negara Afrika bersetuju dengan Perdana Menteri Malaysia bahawa ini perlu dikaji dahulu sebelum diterima."

Mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, Chissano berkata beliau menerangkan kepada Perdana Menteri mengenai keadaan ekonomi di Mozambique dan persiapan yang dilakukan untuk pilihan raya akan datang.

Katanya Mozambique juga berminat untuk melihat peningkatan kerjasama ekonomi dengan Malaysia.

Beliau berkata satu bidang yang memberi peluang kepada para pelabur Malaysia menanam modal di Mozambique ialah pengeluaran makanan besar-besaran dan yang lain ialah pertanian, pelancongan dan pembuatan.

"Mozambique mempunyai iklim pelaburan yang baik," katanya.

-- BERNAMA

NH RON